



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 23 Disember 2022

1	60 ekor kambing, biri –biri mati lemas
2	Tambah baik struktur JPV tertakluk kerajaan
3	Rugi RM20,000 kucing, burung mati
4	Harga telur ayam import 50 sen sebijji dapat permintaan
5	'Increasing egg production a better solution'
6	Selesema burung dasyat landa Eropah

DISEDIAKAN OLEH :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA



Antara haiwan ternakan Rusdi yang mati dalam bencana banjir di Kampung Padang Buluh, Jertih, di Besut pada Ahad lalu.

60 ekor kambing, biri-biri mati lemas

BESUT - Seorang penduduk mengalami kerugian kira-kira RM30,000 setelah 60 ekor haiwan ternakannya gagal diselamatkan dalam bencana banjir yang melanda Kampung Padang Buluh, Jertih pada Ahad lalu.

Mat Rusdi Kadir, 55, berkata, dari pada jumlah itu, sebanyak 33 ekor kambing dan 27 biri-biri mati lemas kerana terperangkap dalam kandang yang dinaiki air hampir dua meter.

"Air mula naik di kawasan rumah kira-kira jam 10 pagi. Pada jam 11.30 malam, paras air masih bertahan namun kali ini ia naik lebih tinggi dan agak mendadak.

"Ketika itu saya hanya sempat menyelamatkan seekor ibu kambing dan tiga anaknya ke tempat selamat

manakala selebihnya berada di dalam kandang besar," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Rusdi yang juga Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kelantan berkata, rumahnya di Kampung Padang Buluh pernah dinaiki air kerana berada berdekatan dengan Empangan Jajar.

Namun katanya, paras air sebelum ini tidak setinggi seperti yang berlaku dalam bencana buruk malam Ahad lalu.

"Sebelum ini air yang memasuki rumah hanya paras betis sahaja, tak sangka pula banjir kali ini air naik mendadak sehingga hampir dua meter di dalam rumah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.12.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Tambah baik struktur JPV tertakluk kerajaan

PETALING JAYA: Sebarang penambahbaikan ke atas struktur operasi dan fungsi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Menerusi kenyataan jabatan itu, sebarang penempatan juga adalah melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Jabatan Perkhidmatan Veterinar aktif mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan tidak kira pemain industri ternakan atau penternak kecil.

“Sesi libat urus ini bagi memastikan kesemua pihak sentiasa cakna dengan keperluan dan perkembangan semasa dalam sektor ternakan sebagai usaha untuk memenuhi keperluan rakyat negara ini,” katanya.

Dalam pada itu, jabatan itu sentiasa melaksanakan pelbagai penyelidikan dalam membangunkan teknologi dan kaedah terkini dalam bidang kesihatan haiwan, zoonosis (penyakit haiwan berjangkit kepada manusia), kesihatan awam veterinar dan sistem pengeluaran makanan.

Katanya, tugas itu didukung oleh pegawai penyelidik daripada pelbagai latar belakang pendidikan seperti Ijazah Sains Haiwan, Pertanian (Sains Ternakan), Genetik, Molekular, Alam Sekitar, Biokimia, Mikrobiologi, Parasitologi, Agronomi, Teknologi Maklumat dan Perangkaan.

“Jabatan turut komited memberi bantuan dari segi khidmat nasihat serta melalui skim-skim tertentu kepada para penterak di seluruh negara bagi memastikan keberhasilan serta kejayaan pengeluaran ternakan dalam negara,” katanya.



BADRUL Hafeezy Ali menunjukkan salah seekor kucing baka 'benggal' peliharaannya yang mati akibat bencana banjir di Kampung Alor Lintang, Besut, Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRU TENGKU YUSOFF

Rugi RM20,000 kucing, burung mati

BESUT: Seorang mangsa banjir mengalami kerugian lebih RM20,000 selepas lima ekor kucing dan enam ekor burung peliharaannya mati akibat banjir di Kampung Alor Lintang di sini, semalam.

Badrul Hafeezy Ali, 35, berkata, kejadian berlaku setelah rumah yang didiami bersama isterinya dinaiki air ketika dia berada di tempat kerja di sebuah universiti di Tembila, dekat sini.

Menurutnya, antara binatang peliharaannya yang mati adalah dua ekor kucing baka *British Shorthair* dan 'benggal' serta burung murai batu.

"Rumah kami mula dimasuki air Ahad lalu namun hanya isteri, Nurul Akma Mamat, 33, berada di rumah kerana saya bekerja manakala semua haiwan peliharaan diletakkan di dalam sangkar.

"Air masuk secara tiba-tiba menyebabkan isteri panik dan hanya menyelamatkan dokumen penting. Kami pun tidak

sangka apatah lagi rumah tidak pernah banjir sejak tinggal di sini pada 2015.

"Memandangkan banyak jalan ditutup, saya juga terkandas di tempat kerja selama dua hari. Sebaik sahaja pulang ke rumah semalam, haiwan peliharaan itu saya sudah mati.

"Walaupun sedih dengan kejadian ini lebih-lebih lagi kehilangan kucing yang menjadi penyeri hidup kami, saya lega isteri sempat menyelamatkan diri," ujarnya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Badrul Hafeezy lagi, kejadian berkenaan berlaku begitu pantas dan mereka tidak melakukan sebarang persediaan dan tidak menyangka bencana kali ini begitu teruk.

Tambahnya, dia hanya mampu mendoakan keselamatan isterinya ketika dia terkandas di tempat kerja sebelum diberitahu pasangannya itu sudah keluar dari kawasan ditenggelami air.

Harga telur ayam import 50 sen sebiji dapat permintaan

Kuala Lumpur: Telur ayam yang diimport dari India untuk menuhi keperluan pengguna negara ini, dijual pada harga 50 sen sebiji, lebih mahal daripada telur Gred A, walaupun saiznya kecil daripada Gred C tempatan.

Ketika ini, telur Gred C tempatan dijual pada harga 41 sen sebiji, manakala Gred A pula adalah 45 sen sebiji.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin, mengaku harga telur import itu lebih mahal, namun ia masih mendapat permintaan pengguna.

"Walaupun saiz telur import itu lebih kecil daripada Gred C, manakala harganya lebih mahal daripada Gred A, namun sekurang-kurangnya kita ada bekalan itu, terutama ia sumber protein paling murah boleh didapati.

"Kebanyakan makanan di negara ini memerlukan telur, disebabkan itu ia tetap ada pembeli, walaupun harganya sebegini," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan akan mengimpor sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari untuk menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan, selain bagi tujuan mengawal harganya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, import telur itu sudah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemasukan 100,000 biji telur.

Sementara itu, mengulas lanjut mengenai telur ayam import yang diterima oleh pasar raya Mydin, Ameer berkata, ketika ini bekalan diperoleh mereka hanya cukup untuk dijual menerusi cawangan Subang Jaya.

"Telur ayam import itu diterima dan setakat ini dianggarkan jumlah itu cukup menampung bekalan antara dua hingga tiga hari di cawangan Subang Jaya.

"Minggu depan akan masuk lagi bekalannya dan akan diagihkan kepada semua cawangan Mydin di negara ini," katanya.

Dalam pada itu, Ameer berharap selepas telur ayam kembali stabil, kerajaan membiarkan ia dijual pada harga pasaran, tidak meletakkannya di bawah harga kawalan.

Katanya, kerajaan tidak perlu takut kenaikan harga telur ayam kerana mengikut perkiraan ia hanya akan meningkat sekitar lima hingga tujuh sen sahaja.

Malah katanya, tindakan itu juga dapat mengelakkan pembekal 'main harga' dengan mengehakan caj tambahan kepada perkara lain.

'Increasing egg production a better solution'

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Traders are urging the government to lift price controls on eggs to help breeders increase production, saying that this is a better solution than importing eggs to overcome the continuing shortage.

Chicken egg imports from India arrived in the country on Dec 19.

Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said the imported eggs at its outlets had sold out quickly.

"The second batch arrives today (yesterday)," he said.

According to him, the imported chicken eggs are likely categorised as Grade D, with the weight being 55g, lighter than Grade C eggs that weigh between 55g and 59g.

He said a tray of imported eggs sold at RM14.90 for 30 eggs or 50 sen each, and the price is higher compared to Grade A ones at 45 sen each, Grade B (43 sen) and Grade C (41 sen) in Peninsular Malaysia, but cheaper than Omega eggs, which costs 65 sen each.

Ameer said consumers had been buying Omega eggs when the regular eggs were in short supply, and now imported eggs are an option for them.

He said that as a long-term solution, the government should deal with local egg breeders as consumers cannot afford to keep paying higher prices.

On Tuesday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the government would import between two million and 10 million eggs daily from India starting yesterday until the supply in the country stabilises.

Supermarket chain NSK Group senior adviser Datuk Lim Choon Se said the company does not plan to sell imported chicken eggs.

"We have no idea where to get them, but we prefer local eggs."

"Our stand remains – limit consumer buying. It should be enough for consumers," he added.

Federation of Sundry Goods Merchants Associations of Malaysia president Hong Chee Meng raised concerns about imported eggs and how to handle and prepare them carefully to prevent the spread of salmonella.



KAKITANGAN Agensi Pengurusan Kecemasan Denmark melupuskan beribu-ribu ayam belanda di ladang ternakan berhampiran perkampungan Ruds Vedby, bandar Soro pada 6 Januari lalu. - AFP

Selesema burung dahsyat landa Eropah

ROM, ITALI – Benua Eropah di-landa wabak selesema burung paling dahsyat sejak setahun lalu, kata pihak berkuasa kesihatan Eropah ketika pakar-pakar mengkaji keperluan untuk vaksinasi.

Antara Oktober 2021 hingga September 2022, kira-kira 2,500 wabak selesema burung dikesan di ladang ternakan di 37 negara Eropah, kata Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan Eropah (EFSA), Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah (ECDC) dan Kesatuan Eropah (EU).

Sepanjang tempoh tersebut, kira-kira 50 juta burung telah dihapuskan di ladang-ladang yang terjejas, lapor EFSA.

Jumlah itu tidak termasuk pemusnahan ayam, itik dan ayam belanda yang dilakukan sebagai langkah pencegahan, kata agensi-agensi kesihatan berkaitan kepada agensi berita AFP.

EFSA berkata bahawa buat kali pertama, tiada pemisahan yang ketara antara dua gelombang epidemik selesema burung pada tahun lalu. Ini kerana virus itu gagal dikawal semasa musim panas.

Pada musim luruh tahun ini pula, wabak itu lebih ganas berbanding tahun lepas untuk tempoh sama dengan bilangan ladang yang terjejas 35 peratus lebih tinggi.

Antara 2 September hingga 10

Disember lalu, kira-kira 400 wabak selesema burung direkodkan di ladang ternakan di 18 negara Eropah.

Virus itu juga dikesan lebih + 600 kali pada burung liar terutamanya itik dan angsa, yang mungkin menyumbang kepada penyebaran virus selesema burung di ladang ternakan.

Pihak berkuasa kesihatan sedang mengkaji kemungkinan keperluan vaksin untuk menghentikan penyebaran virus itu.

Menurut ECDC, risiko jangkitan kepada manusia adalah rendah. Risiko tersebut pula adalah antara rendah dan sederhana bagi individu yang bersentuhan dengan unggas. – AFP